

Pembangkang disaran jumpa PM runding peruntukan

Speaker jelaskan Dewan Rakyat tiada kuasa berkaitan dana

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pembangkang disaran berjumpa dan berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung isu penyaluran peruntukan kepada Ahli Parlimen blok berkenaan.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul, berkata keputusan berkait peruntukan kepada wakil rakyat adalah di bawah Perdana Menteri (PM) sendiri.

"Kita (Dewan Rakyat) tiada kuasa berkaitan peruntukan khas daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM). Itu bukan kuasa kita, itu hak PM.

"Seperti PM dahulu pada zaman Ismail Sabri (Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob), selepas lakukan beberapa rundingan, pihak pembangkang juga dapat (peruntukan), maka buatlah rundingan dengan PM dan beritahu apa yang anda mahu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri sesi dialog bersama pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 di Kem Rejimen 515 Askar Wataniah, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pen-

garah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Mejar Jeneral Datuk Ya'cob Samiran.

Dua jenis peruntukan

Johari berkata, terdapat dua jenis peruntukan boleh diberi kepada pembangkang, iaitu untuk pembangunan dan peruntukan kepada wakil rakyat.

"Berikan saya contoh negeri pembangkang seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah yang tidak diberikan peruntukan pembangunan seperti untuk jalan, tambatan banjir, klinik dan sekolah, tidak ada.

"Peruntukan dalam soal pembangunan dibuat oleh pegawai kerajaan, mereka tidak pandang sama ada ini kerajaan pembangkang atau bukan," katanya.

Beliau berkata, yang menjadi masalah adalah apabila wakil rakyat pembangkang tidak berjumpa Perdana Menteri memaklumkan keperluan mereka untuk mendapatkan peruntukan yang diperlukan.

"Itu yang PM kata, datang (jumpa) dan runding apa perkara yang anda mahu, anda hendak apa sebenarnya, tetapi tidak datang (jumpa PM)," katanya.